

# Soalan Lazim

## Peraduan Jom Cuti Bersama Pos Malaysia

No.	Soalan/Jawapan				
<b>S1</b>	<b>Apakah Peraduan Jom Cuti Bersama Pos Malaysia?</b>				
J1	<p>Peraduan Jom Cuti Bersama Pos Malaysia adalah peraduan (“Peraduan”) yang dianjurkan oleh Pos Malaysia Berhad (“Penganjur”) dan terbuka kepada semua pelanggan Pos Malaysia. Pelanggan perlu membuat transaksi minimum serendah RM20* di semua cawangan Pos Malaysia, Pos Online atau pos.com.my/shop untuk mengambil bahagian.</p> <p>*Tertakluk kepada terma &amp; syarat serta produk atau perkhidmatan terpilih</p>				
<b>S2</b>	<b>Berapa lamakah Peraduan ini akan berlangsung?</b>				
J2	Peraduan ini akan berlangsung mulai 1 Oktober 2022 sehingga 31 Disember 2022 (“Tempoh Peraduan”)				
<b>S3</b>	<b>Siapakah yang boleh menyertai Peraduan ini?</b>				
J3	Peraduan ini terbuka kepada semua warganegara Malaysia dan Bukan Warganegara Malaysia (“Peserta”) berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Peraduan kecuali kakitangan Pos Malaysia dan keluarga terdekat mereka.				
<b>S4</b>	<b>Di manakah cawangan Pos Malaysia yang terlibat untuk Peserta menyertai Peraduan ini?</b>				
J4	<p>Cawangan/platform Pos Malaysia yang terlibat (“cawangan/platform Pos”) adalah:</p> <table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th style="text-align: center;">Cawangan</th> <th style="text-align: center;">Online Platform</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat Pos</li> <li>Pusat Pos Laju</li> <li>Pusat Perkhidmatan Pos Laju</li> <li>Kiosk Pos Laju</li> <li>Pos Laju Ezidrive-Thru</li> </ul> </td> <td style="vertical-align: top;"> <ul style="list-style-type: none"> <li>PosOnline</li> <li>Shop (<a href="http://www.pos.com.my">www.pos.com.my</a>)</li> </ul> </td> </tr> </tbody> </table>	Cawangan	Online Platform	<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat Pos</li> <li>Pusat Pos Laju</li> <li>Pusat Perkhidmatan Pos Laju</li> <li>Kiosk Pos Laju</li> <li>Pos Laju Ezidrive-Thru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PosOnline</li> <li>Shop (<a href="http://www.pos.com.my">www.pos.com.my</a>)</li> </ul>
Cawangan	Online Platform				
<ul style="list-style-type: none"> <li>Pejabat Pos</li> <li>Pusat Pos Laju</li> <li>Pusat Perkhidmatan Pos Laju</li> <li>Kiosk Pos Laju</li> <li>Pos Laju Ezidrive-Thru</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>PosOnline</li> <li>Shop (<a href="http://www.pos.com.my">www.pos.com.my</a>)</li> </ul>				
<b>S5</b>	<b>Apakah perkhidmatan/produk yang terlibat di dalam Peraduan ini?</b>				
J5	<p>Perkhidmatan/produk terpilih (“perkhidmatan/produk terpilih Pos”) yang terlibat adalah:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>Pos Laju On-Demand (termasuk motosikal) &amp; Prabayar</li> <li>Prabayar Ekonomi Mel Domestik</li> <li>Produk Antarabangsa (Setem, Registered Label, Tracked Label, Flexipack, Paket Kecil, Bungkus &amp; Express Mail Service)</li> <li>Insurans / takaful</li> <li>Pembaharuan Cukai Jalan dan Lesen Memandu</li> <li>Pembayaran bil &amp; pinjaman</li> <li>Urusniaga ASNB</li> <li>Filateli</li> <li>Kiriman wang</li> <li>Produk Islamik</li> <li>Perbankan</li> <li>Wasiat &amp; Harta Pusaka</li> </ul>				

# Soalan Lazim

## Peraduan Jom Cuti Bersama Pos Malaysia

No.	Soalan/Jawapan
<b>S6</b>	<b>Bagaimanakah pelanggan boleh menyertai dan apakah mekanisma untuk Peraduan ini?</b>
J6	<p>Peserta dikehendaki melengkapkan langkah berikut untuk menyertai Peraduan:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Membelanjakan sekurang-kurangnya Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) dan ke atas di dalam satu (1) resit atau transaksi bagi perkhidmatan/produk terpilih Pos daripada cawangan/platform Pos yang terlibat sepanjang Tempoh Peraduan.</li> <li>b) Imbas Kod QR yang dipaparkan di cawangan/platform Pos untuk menyertai dan isikan data yang diperlukan dalam borang peraduan ("borang peraduan") <a href="#">Jom Cuti Bersama Pos Malaysia</a></li> <li>c) Peserta perlu mengambil gambar resit dengan jelas dan penuh, dan dimuat naik ke dalam borang peraduan.</li> <li>d) Satu (1) resit hanya layak mendapat satu (1) penyertaan sahaja.</li> <li>e) Peserta boleh menghantar seberapa banyak penyertaan dan berpeluang memenangi lebih dari satu (1) hadiah iaitu Hadiah Sagu Hati Bulanan dan/atau Hadiah Utama, Hadiah Pertama, Hadiah Kedua, Hadiah Ketiga sepanjang Tempoh Peraduan.</li> <li>f) Peserta hendaklah menyimpan salinan resit sebagai bukti pembayaran.</li> </ol>
<b>S7</b>	<b>Apakah hadiah-hadiah yang ditawarkan kepada pemenang?</b>
J7	<p>Terdapat 142 pemenang bertuah yang akan memenangi hadiah-hadiah menarik seperti:</p> <ol style="list-style-type: none"> <li>a) Hadiah Utama x 1 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Percutian 6H5M ke Gold Coast, Australia untuk 2 orang</li> </ul> </li> <li>b) Hadiah Pertama x 1 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Percutian 4H3M ke Bali, Indonesia untuk 2 orang</li> </ul> </li> <li>c) Hadiah Kedua x 5 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Percutian 3H2M ke Langkawi, Kedah untuk 2 orang</li> </ul> </li> <li>d) Hadiah Ketiga x 15 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Telefon pintar Samsung Galaxy A73</li> </ul> </li> <li>e) Hadiah Sagu Hati Bulanan x 40 <ul style="list-style-type: none"> <li>• Baucar AEON bernilai RM100</li> <li>• Cabutan akan dibuat pada bulan Oktober, November dan Disember 2022</li> </ul> </li> </ol>
<b>S8</b>	<b>Bagaimanakah pemenang akan dipilih dan cara mengetahui jika saya terpilih sebagai pemenang?</b>
J8	<p>Pemenang yang Layak ("pemenang layak") akan dipilih secara rawak oleh sistem. Penganjur akan menghubungi pemenang layak melalui telefon atau emel yang berdaftar di dalam borang peraduan.</p> <p>Penganjur berhak untuk membatalkan kelayakan pemenang layak jika gagal memberikan maklumat yang lengkap dan tepat semasa panggilan atau emel untuk pengesahan. Kegagalan untuk menghubungi pemenang dalam tiga (3) kali percubaan dan mengemukakan butiran seperti yang diminta akan menyebabkan kelayakan terbatal. Pemenang layak yang telah dipilih mesti menunjukkan resit asal sebagai bukti pembayaran.</p>

# Soalan Lazim

## Peraduan Jom Cuti Bersama Pos Malaysia

No.	Soalan/Jawapan
S9	<b>Bilakah pengumuman pemenang akan dibuat?</b>
J9	Senarai Pemenang ("pemenang") Hadiah Sagu Hati akan diumumkan secara berperingkat pada setiap bulan, manakala pengumuman untuk Hadiah Utama, Hadiah Pertama, Hadiah Kedua dan Hadiah Ketiga akan dibuat selepas tamat Tempoh Peraduan. Sila layari laman sesawang atau media sosial rasmi Penganjur atau emel pos (poscampaign@pos.com.my) untuk pengumuman pemenang.
S10	<b>Bagaimanakah Pemenang menebus hadiah sebaik sahaja diumumkan sebagai Pemenang?</b>
J10	Pihak Pengajur akan menghubungi Pemenang melalui telefon atau emel pos untuk menuntut hadiah.
S11	<b>Bolehkah hadiah ditukar kepada bentuk atau hadiah yang lain?</b>
J11	Semua hadiah tidak boleh dipindahmilik, dikembalikan, ditukar atau ditebus balik dalam sebarang bentuk atau cara lain selain daripada yang ditentukan oleh Penganjur.
S12	<b>Bagaimanakah saya boleh mendapatkan maklumat lanjut berkenaan Peraduan ini?</b>
J12	Untuk maklumat lanjut, sila klik pautan Terma & Syarat ( <a href="https://possemuapunboleh.com/pdf/TnC-Peraduan-Jom-Cuti.pdf">https://possemuapunboleh.com/pdf/TnC-Peraduan-Jom-Cuti.pdf</a> )